

08/10/1999

Pelajar terpicat dengan kemudahan pembelajaran

Noor Azlina Zainudin

SETIAP tahun sebaik sahaja keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) diumumkan, ribuan pelajar berdebar-debar menanti jawapan bagi permohonan kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPT) pilihan mereka.

Lazimnya pelajar akan memilih IPT yang dianggap terbaik, menjadi sebutan ramai, mampu memberikan persekitaran pembelajaran yang selesa dan sistem pengajian yang sesuai dengan kursus yang dimohon.

Antara IPT yang menjadi pilihan lepasan SPM dan STPM ialah Universiti Malaya (UM), universiti tertua yang menawarkan banyak kursus dalam pelbagai bidang merangkumi semua aspek yang diperlukan untuk pembangunan negara.

Sejajar dengan kedudukannya sebagai universiti terulung, pihak pentadbiran UM dari semasa ke semasa berusaha meningkatkan kemudahan pembelajaran dan infrastruktur yang menjadi pemangkin kecemerlangan pelajar.

Malah, sejak ditubuhkan di Kuala Lumpur pada 1962, sehingga tahun ini UM telah melahirkan seramai 73,401 graduan ijazah pertama dan kebanyakan mereka kini menjadi tokoh berpengaruh serta berjaya dalam profesion masing-masing.

Atas dasar itulah semakin ramai pelajar memohon untuk memasuki UM setiap tahun dengan menjadikan tokoh yang dilahirkan oleh UM seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai idola.

Pelajar tahun pertama kursus Sarjana Pengajian Penerbitan, Abdul Nassir Said, 25, menyifatkan UM sebagai IPT awam terulung yang menawarkan pelbagai kursus terutama dalam bidang yang ingin diceburinya.

Katanya, UM telah melaksanakan sistem pengajian tiga tahun sejak beberapa tahun lalu dan menjadikan bilangan graduan yang dikeluarkan tahun ini meningkat berikutan pertembungan dua sistem pengajian berkenaan.

Menurutnya, perubahan ini menunjukkan komitmen pihak pentadbiran UM dalam usaha menambah bilangan tenaga pakar yang diperlukan bagi membantu memajukan negara dalam masa yang singkat.

"Saya memasuki UM pada Jun 1994 untuk mengikuti Sarjana Muda Sastera (Pengajian Media) dan tamat pengajian pada tahun lalu. Keinginan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi masih menebal menyebabkan saya menyambung pengajian peringkat sarjana juga di UM.

"Ramai juga yang bertanya kenapa saya berminat menyambung pengajian di UM. Kenapa tidak memilih IPT lain seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atau Universiti Sains Malaysia (USM) yang terletak tidak jauh dari kampung halaman saya di Pulau Pinang.

"Jawapannya, sepanjang empat tahun mengikuti program ijazah di UM, saya dapati suasana pembelajaran di sini amat selesa dengan kehadiran pensyarah yang sentiasa bersedia membantu menyelesaikan masalah pelajar," katanya.

Nassir juga berpendapat lepasan UM mempunyai prospek yang baik dalam pekerjaan dan 'laris' apabila memasuki pasaran kerjaya tempatan kerana kebanyakan syarikat korporat menerima graduan UM dengan reaksi positif.

Sempena sambutan jubli emasnya tahun ini, katanya, pihak pentadbiran boleh mengumpulkan bekas pelajar UM dan menubuhkan dana khas untuk membantu pelajar yang kurang bernasib baik atau datang daripada keluarga miskin.

Pelajar tahun akhir kursus Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial

(Antropologi dan Sosiologi), Mohd Rosli Mohd Daud, 22, berkata UM mempunyai jaringan jalan raya yang baik, tersusun dan sistematik untuk memudahkan pelajar menghadiri kuliah.

Katanya, sistem pengangkutan dari dalam kampus ke luar kawasan UM juga tidak mengecewakan walaupun kadangkala pelajar terpaksa menunggu bas agak lama untuk keluar ke ibu kota.

Malah, katanya, laluan pejalan kaki yang dikemaskinikan sejak setahun lalu memudahkan pelajar pergi ke perpustakaan, kolej kediaman, bilik kuliah masing-masing atau pusat rekreasi tanpa gangguan kenderaan.

Pelajar yang berasal dari Kota Bharu, Kelantan ini turut memuji perpustakaan UM yang disifatkan sebagai lengkap dan menggunakan peralatan berteknologi tinggi untuk memudahkan pelajar mencari buku yang diinginkan.

Setakat ini, UM terkenal dengan perpustakaan terbesar dengan koleksi buku paling banyak iaitu 1.3 juta jilid.

"Untuk itu, sambutan besar-besaran perlu dibuat sempena sambutan ulang tahun ke-50 tahun ini bagi mengingati segala peristiwa lalu dan memberi peluang bekas pelajar meninjau pertambahan kemudahan yang sedia ada.

"Sambutan berkenaan juga boleh menyemarakkan semangat pelajar UM supaya meningkatkan kecemerlangan diri serta berusaha menjulang nama UM supaya dinobatkan sebagai antara universiti terbaik di dunia," katanya.

Pelajar tahun akhir Sarjana Muda Sastera (Penyiaran), Mastura Abd Ghani, 22, berpendapat UM mempunyai kemudahan infrastruktur dan peralatan pembelajaran yang baik untuk digunakan oleh pelajar.

Sepanjang tiga tahun di UM, katanya, banyak perubahan yang telah dibuat membabitkan bangunan akademik terutamanya di Fakulti Sastera dan Sains Sosial.

"Pembahagian bangunan akademik mengkhusus kepada bidang lebih memudahkan pelajar menghadiri kuliah dan kelas tutorial. Sehubungan itu, semua pelajar berpeluang menggunakan peralatan pembelajaran secara sama rata," katanya.

Selain itu, Mastura berkata, UM menggunakan sistem peperiksaan yang mudah kerana pemberian markah dibuat berdasarkan tugas yang diberikan oleh pensyarah dan peperiksaan akhir.

Sementara bagi Vija Kumar a/l Ganapaghipilay, 20, maklumat mengenai UM diperolehi daripada rakan-rakan yang sedang menuntut di UM dan juga berdasarkan rencana yang pernah keluar dalam majalah dan surat khabar.

Katanya, UM mempunyai persekitaran yang menarik dan kursus kendaliannya diiktiraf oleh kebanyakan institusi antarabangsa sehingga pernah muncul sebagai antara universiti terbaik di dunia.

Pelajar tahun satu kursus Sarjana Muda Sains Komputer ini memuji cara pensyarah UM menyampaikan maklumat dengan cara tersendiri dan memudahkan pelajar menerima setiap nota penting dengan baik.

"Kebanyakan pensyarah membuka laman web sendiri yang menempatkan nota dan maklumat tentang subjek yang diajar supaya pelajar boleh membuat rujukan tanpa perlu berjumpa pensyarah berkenaan.

"Malah, pelajar boleh menghantar soalan yang tidak difahami melalui e-mel dan pensyarah akan menjawab soalan yang dikemukakan dengan cepat dan tepat," katanya.

Pelajar tahun dua Sarjana Muda Sains Sosial, Lydia Ng Sy Wei, 22, menyatakan rasa kagumnya terhadap beberapa kemudahan yang disediakan oleh pihak pentadbiran terutamanya pertambahan bangunan akademik dan kolej kediaman.

Sebelum ini, katanya, ramai anak jiran dan saudara mara yang pernah belajar di sini menyatakan kelebihan UM berbanding IPT lain terutamanya dari segi sistem pembelajaran dan kedudukannya yang begitu strategik.

"Sehubungan itu, pelajar sepatutnya bersyukur dan tidak mengabaikan tanggungjawab utama mereka untuk belajar bersungguh-sungguh serta tidak

menghampakan harapan ibu bapa yang ingin melihat kejayaan anak mereka,"
katanya.

(END)